

Dadah RM13,000 dirampas

Sinar Harian 13/04/2010 MYS 53

KUALA LUMPUR – Polis menahan tiga lelaki selain merampas tiga jenis dadah membabitkan nilai lebih RM13,000 dalam dua serbuan berasingan di sekitar Brickfields pada 8 dan 9 April lalu.

Dalam serbuan Khamis lalu, polis menangkap lelaki berusia 22 tahun yang dilihat berlegar-legar dalam keadaan mencurigakan di blok perumahan flat di Taman Sri Sentosa, di sini.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari, Wan Abdul Khalid berkata, pemeriksaan yang dijalankan ke atas suspek, menemui sebanyak tiga paket lut sinar dadah heroin seberat 700 gram (g) yang disorokkan dalam seluarnya.

Katanya, hasil soal siasat, polis kemudiannya memberkas seorang lagi rakan suspek kira-kira 10 minit kemudian yang ketika itu sedang melepak di atas sebuah motosikal di kawasan flat yang sama.

"Kita rampas 20 paket kecil dadah heroin seberat 47.5g yang disembunyikan dalam

poket seluar, sebelum suspek itu menunjukkan satu peti helmet berisi kira-kira 12 paket dadah sama serta 11 paket ganja.

"Keseluruhan dadah dirampas dalam dua tangkapan itu berjumlah RM4,600," katanya.

Sementara itu, dalam operasi keesokan harinya, lelaki berusia 31 tahun diberkas di tempat letak kereta kondominium di Jalan Kuchai Lama, selepas polis menemui dua bungkusan plastik lut sinar berisi dadah ketamin (8g) bersamanya.

Susulan tangkapan itu, polis menyerbu rumah suspek sebelum menjumpai satu bungkusan dadah sama seberat 950g dan kotak berisi enam biji pil ekstasi, tiga bungkusan lut sinar dadah ketamin, 10 paket kecil dadah sama, beberapa plastik kosong dan alat penimbang (1).

"Semua rampasan itu dianggarkan berjumlah kira-kira RM8,500 dan suspek yang sudah bergiat aktif sejak lima bulan lalu ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.